



**UCAPAN ALU-ALUAN**

**YANG MULIA AWANG HAJI ADNAN BIN HAJI ADAM**

**PEMANGKU PEGAWAI DAERAH TUTONG**

**SELAKU PENGERUSI BERSAMA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN PINGAT KERJA LAMA**

**DAN SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ**

**BAGI KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

**DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA**

**DIKENDALIKAN BERSAMA JABATAN DAERAH TUTONG**

**DAN JABATAN BANDARAN TUTONG**

**BAGI TAHUN 1437H/2016M**

**PADA**

**HARI SABTU, 21 SYA'BAN 1437 / 28 MEI 2016**

**JAM**

**2.00 PETANG**

**BERTEMPAT DI**

**DEWAN UTAMA**

**KOMPLEKS DEWAN KEMASYARAKATAN DAERAH TUTONG**

*Keani Failey*

*Simpan dalam fail UCAPAN . 74*

*2305/2016*

( 1 )



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillahi Rabbil 'Aalameen. Wassalatu Wassalamu 'Ala  
Asyrafil Ambia Ewal Mursalin. Sayyidina Muhamadin  
Wa'ala Aalihi Wasahbihi Ajmaeen.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji  
Awang Abu Bakar bin Haji Apong  
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Berhormat-Yang Berhormat

Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia

Awang Haji Mohd 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abd Salam  
Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia

Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali  
Awang Mohd Sunadi bin Haji Buntar  
Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia

Awang Shahminan bin Haji Tengah

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Tutong

selaku Pengerusi Bersama Majlis

Yang Mulia

Pegawai-Pegawai Daerah

Ketua-Ketua Jabatan

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian

Timbalan-Timbalan dan Penolong Ketua-Ketua Jabatan

Pegawai dan Kakitangan

Yang Mulia

Peceramah Undangan

Yang Mulia

Penghulu-Penghulu Mukim

Ketua-Ketua Kampung

Ketua-Ketua Rumah Panjang

Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis

Hadirin dan Hadirat Sekalian

Alhamdulillah, kita memanjatkan rasa syukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin, limpah rahmat dan hidayah-Nya juga, sekali lagi kita semua dapat berkumpul beramai-ramai di majlis yang penuh berkebajikan pada petang yang mulia ini, iaitu "**Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama dan Sambutan Isra' dan Mi'raj Bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya**" yang dikendalikan bersama oleh Jabatan Daerah Tutong dan Jabatan Bandaran Tutong, yang mana Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj ini merupakan kesinambungan kepada Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara yang telahpun diadakan di Dewan Persidangan Antarabangsa Berakas pada 5 Mei 2016 yang baru lalu.

Pertama-tama peramba/kaola/saya selaku Pengurus Bersama Majlis serta mewakili Jawatankuasa Majlis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di atas kesudian Yang Berhormat Pehin untuk hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis ini bagi sama-sama menyemarakkan lagi Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama dan Sambutan Isra' dan Mi'raj.

Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada Jawatankuasa Majlis yang telah berusaha dengan begitu gigih bagi memastikan kesempurnaan dan kelancaran aturcara majlis ini. Alhamdulillah, dengan bertawakkal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, maka sekali lagi majlis telah berjaya diungkayahkan pada hari ini yang diselenggarakan bersama oleh Jabatan Daerah Tutong dan Jabatan Bandaran Tutong.

Yang Berhormat Pehin/Hadirin-Hadirat yang dihormati sekalian,

Alhamdulillah, kitani selaku penjawat-penjawat awam dalam perkhidmatan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amatlah bersyukur dengan perkenan baginda mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara, khususnya Pingat Kerja Lama (PKL) yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin kepada 130 orang penerima pada petang yang berkat ini.

Pengurniaan pingat ini merupakan satu pengiktirafan dan sekaligus merupakan tanda penghargaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kepada warga kerja yang telah lama berkhidmat diatas segala khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada negara selama ini.

Seperti yang kita sudah sedia maklum, bagi menerima pengurniaan pingat-pingat kerhormatan tersebut, penerima hendaklah mempunyai sikap dedikasi, tekun, komited, dan mempunyai rekod yang bersih dan baik dalam aspek-aspek keselamatan disamping berkhidmat sekurang-kurangnya 20 tahun. Maka dengan pengurniaan tersebut, ianya merupakan tanda ataupun pengiktirafan akan ketekunan dan kesetiaan kerja penerima-penerima tersebut.

Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan diucapkan kepada penerima-penerima PKL, dan dengan ini, peramba/kaola/saya berharap pengurniaan ini akan dapat menyuntik dan membakar semangat para penerima dan sekaligus setiap warga kerja untuk terus maju didalam menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi memajukan negara.

Yang Berhormat Pehin/Hadirin-Hadirat yang dihormati sekalian.

Majlis ini turut diadakan bagi menyambut peristiwa Isra' dan Mi'raj. Seperti Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara, majlis ini diadakan antara lain adalah bertujuan untuk menyemarakkan lagi suasana Sambutan Isra' dan Mi'raj bagi menggambarkan kegemilangan dan keagungan agama Islam di negara ini. Sebagai sebuah negara yang berlandaskan kepada falsafah Melayu Islam Beraja, acara-acara Sambutan Hari Kebesaran Islam adalah merupakan salah satu usaha bagi menyibarkan syi'ar dan nilai-nilai agama Islam dengan penuh rasa ketakwaan dan keinsafan.

Peristiwa Isra' dan Mi'raj merupakan satu mukjizat agung yang dikurniakan Allah Subhanahu Wa'ala kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang mana ianya merakamkan pelbagai pengajaran dan anugerah, salah satunya ialah perintah sembahyang lima waktu sehari semalam.

Dengan yang demikian, majlis ini diadakan bukan sahaja bagi memperingati peristiwa 27 Rejab yang penuh bersejarah bagi umat Islam, malah ianya juga diadakan bagi kita sama-sama menghayati dan mengambil teladan mahupun intipati peristiwa tersebut. Dengan ini, majlis diisikan dengan ceramah khas bertajuk "Solat Kunci Syurga" yang disampaikan oleh Penceramah Undangan, Ustaz Awang Haji Mail bin Haji Besar.

InsyaAllah semoga kita sama-sama dapat menghayati dan mengambil intipati peristiwa tersebut kedalam kehidupan kita masing-masing dan seterusnya akan dapat menjadikan kita sebagai umat yang bertakwa, umat yang sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam berfikir dan bertindak serta menjadi masyarakat yang sentiasa taat kepada raja nya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dikesempatan ini juga, peramba/kaola/saya memohon maaf kepada hadirin jika ada sebarang kesalahan. Mudah-mudahan kita akan dapat diberi kesempatan untuk beramal dibulan Ramadhan yang mulia yang akan menjelang, InsyaAllah.

Akhirnya, mewakili Ahli Jawatankuasa Majlis, sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di atas kesudian Yang Berhormat Pehin dapat meluangkan masa untuk hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis yang penuh keberkatan dan berkebajikan ini.

Diucapkan juga terima kasih atas kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai dan Kakitangan, Penghulu-Penghulu Mukim, Ketua-Ketua Kampung, Ketua Rumah Panjang serta hadirin-hadirat sekalian.

( 9 )

Sekian

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu 'Alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

AOT